



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
ARKIB NEGARA MALAYSIA

## TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERHORMAT DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**SEMINAR PENGIFTIRAFAN WARISAN DUNIA:  
KOLEKSI SURAT-MENYURAT SULTAN ABDUL HAMID  
(1882 - 1943)**

**27 OGOS 2024 (SELASA)**

**9.00 PAGI**

**RAIA HOTEL & CONVENTION CENTRE  
ALOR SETAR, KEDAH**

Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

## **SALUTASI**

*\*Salutasi terkini akan dikemukakan pada hari program.*

## **PENDAHALUAN**

1. Pertama sekali, tahniah saya ucapkan kerana kita dapat bersama-sama berkumpul di dewan Raia Hotel & Convention Center ini bagi menjayakan **Seminar Pengiktirafan Warisan Dunia: Koleksi Surat-menurut Sultan Abdul Hamid (1882 - 1943)**.
2. Salah satu koleksi surat-menurut Melayu yang penting di Malaysia dan mendapat pengiktirafan dunia ialah **Koleksi Surat-menurut Sultan Abdul Hamid**. Ia diwartakan sebagai warisan dunia “**Memory of the World Register**” pada **September 2001** oleh **United Nation Educational, Scientific and Culture Organization (UNESCO)** atas hasil usaha Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama para penyelidik tempatan.
3. Pemilihan Koleksi Surat-menurut Sultan Abdul Hamid sebagai warisan dunia dipengaruhi oleh keistimewaannya sebagai **satu-satunya kumpulan surat-menurut manuskrip Melayu yang begitu bernilai dan tersusun jika**

dibandingkan dengan koleksi manuskrip surat-menyurat kerajaan lain di Gugusan Kepulauan Melayu silam.

4. Pengiktirafan ini juga disebabkan keunikan koleksi Surat-menyurat Sultan Abdul Hamid sebagai **satu-satunya bukti rekod bertulis** mengenai Kesultanan Melayu semasa zaman pemerintahan kerajaan asing yang masih dipelihara. **Koleksi ini banyak mengandungi maklumat penting dan gambaran yang jelas mengenai sejarah negeri Kedah sewaktu peralihan kuasa Siam dan kemasukan British dalam pentadbiran negeri Kedah.**
5. Surat-surat yang terkandung dalam koleksi ini **meliputi surat kiriman baginda Sultan Abdul Hamid dan pembesar negeri kepada kerajaan Siam, pegawai Inggeris termasuk Residen Inggeris di Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Gabenor Negeri-Negeri Selat.**
6. Saya percaya kajian dan penyelidikan yang lebih lanjut ke atas surat-menyurat ini boleh memberikan impak yang sangat bermanfaat kepada masyarakat dan negara kerana ia boleh memberikan semangat dan motivasi untuk kita **mencontohi pentadbiran dan kepimpinan baginda mengurus tadbir negeri Kedah untuk diaplikasikan**

**dalam urusan pentadbiran dan tatakelola sama ada di peringkat jabatan mahupun persekutuan.**

## **SEJARAH NEGARA WAJAR DIHAYATI DAN DIFAHAMI**

**Hadirin yang saya hormati,**

7. Kesedaran generasi kini terhadap kepentingan sejarah boleh disifatkan sekadar bermusim kerana kebiasaannya ramai akan mula mengambil kisah mengenainya hanya menjelang tarikh penting tertentu seperti Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia. Kemajuan sains dan teknologi yang melingkari kehidupan kita kini boleh melekakan kita untuk mempelajari sejarah.
  
8. Bagi memastikan masyarakat dan negara yang lebih baik pada masa hadapan, **generasi muda yang bakal mengambil tempat pemimpin hari ini seharusnya bukan sahaja mempelajari sejarah, namun yang lebih penting adalah memahami dan meneladani sejarah tersebut.** Mempelajari dan memahami sejarah boleh memupuk semangat patriotisme, malah boleh menyemai perpaduan antara kaum terutama dalam kalangan generasi muda. **Persis kata peribahasa, “melentur buluh biarlah dari rebungnya”.**

9. Sejarah juga boleh mendidik masyarakat untuk mengambil pengajaran daripada kesilapan dan kesalahan masyarakat terdahulu. Sejarah juga boleh melahirkan masyarakat yang bersyukur dengan nikmat keamanan dan kesejahteraan, bersikap toleransi dan rasa kekitaan meskipun berbeza bangsa, agama dan budaya.
10. Sehubungan dengan itu, Arkib Negara Malaysia telah mewujudkan inisiatif **Hari Ini Dalam Sejarah** sebagai usaha untuk meningkatkan dan menyebarluas malumat sejarah negara kepada masyarakat umum. **Kini Hari ini Dalam Sejarah (HIDS) didapati di pelbagai platform seperti 34 saluran radio RTM, slot kapsul masa IKIM FM, portal HIDS serta melalui aplikasi HIDS di Google Play Store dan Apple Play Store.**

## **PENUTUP**

**Hadirin yang saya kasihi sekalian,**

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan seminar kali ini.

12. Akhir kata, dengan ini saya merasmikan Seminar  
**Pengiktirafan Warisan Dunia: Koleksi Surat-menyurat**  
**Sultan Abdul Hamid (1882 - 1943).**

**Sekian, terima kasih.**